



SOALAN LAZIM

PROGRAM BANTUAN BAYARAN PEMBIAYAAN UNTUK PERNIAGAAN YANG TERJEJAS

1 Apakah itu Program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan?

Program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan merupakan satu tawaran penyusunan semula bayaran ansuran bulanan pembiayaan dalam tempoh tertentu yang akan ditetapkan dan dipersetujui oleh Bank Rakyat dan pelanggan.

2 Matlamat Program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan.

Membantu pelanggan yang terkesan dari segi aliran tunai kewangan untuk memastikan ansuran bulanan dibayar tanpa gagal mengikut jadual.

3 Adakah sebarang caj tambahan dikenakan ke atas baki pembiayaan sedia ada?

Di bawah program ini, tiada sebarang caj tambahan akan dikenakan. Keuntungan terakru dan caj Ta'widh sedia ada tidak akan digandakan.

4 Siapakah yang layak memohon kemudahan ini?

Semua pelanggan yang **terkesan** dari segi aliran tunai kewangan layak untuk memohon.

Bagi Perniagaan (PKS atau Bukan PKS) yang menghadapi situasi:

- Pandemik
- Bencana alam
- Sebarang krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi
- Implikasi tindakan undang-undang
- Penurunan ketara dalam sumber utama pendapatan perniagaan iaitu pengurangan aliran tunai/ jualan sebanyak 30% atau lebih atau pemberhentian operasi yang disokong dengan sumber pendapatan/dana alternatif dan/atau pelan pemulihan perniagaan.

Nota: Pelanggan/perniagaan yang bankrap dan/atau perniagaannya digulungkan/berhenti beroperasi (ceased operation) adalah tidak layak untuk Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan. Bagaimanapun, Bank boleh mempertimbangkan alternatif lain seperti aturan bayaran atau penyelesaian pembiayaan.

Pelanggan yang masih beroperasi tetapi telah dikenakan tindakan undang-undang lanjutan atau Perintah Penghakiman yang telah diperolehi tidak akan dipertimbangkan, kecuali terdapat pengaturan pembayaran atau penyelesaian yang telah disahkan dengan bank atau pihak lain.

5 Sekiranya pelanggan berada di bawah mana-mana program bantuan bayaran sedia ada, adakah program tersebut akan terbatal secara automatik apabila kemudahan ini diluluskan?

Ya, pakej bantuan bayaran sedia ada akan terbatal sekiranya pelanggan memohon atau membuat pilihan untuk memulakan ansuran di bawah Program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan dengan serta-merta.

Tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa

#UntukSemua

6 Apakah syarat asas untuk memohon Program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan?

Syarat asas untuk memohon kemudahan ini adalah seperti berikut:

1. Pelanggan atau perniagaan **TIDAK dikategorikan sebagai bankrap dan/atau perniagaannya digulungkan/berhenti beroperasi ('ceased operation');**
2. **Tindakan undang-undang lanjutan tertakluk pada pengaturan pembayaran yang disahkan.**

Pelanggan di bawah program Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit ("AKPK") perlu merujuk kepada pihak AKPK di talian 03-2616 7766 atau melayari laman sesawang AKPK untuk maklumat lanjut berkenaan program ini.

7 Bagaimanakah cara untuk memohon Program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan ini?

Mengisi borang permohonan dengan mengimbas kod QR berikut:



Menghantar dokumen sokongan berikut ke alamat e-mel r&r_business@bankrakyat.com.my

Bagi Pelanggan Pembiayaan Perniagaan (PKS)

- Penyata bank untuk enam (6) bulan terkini;
- Dokumen pendapatan terkini yang dijana (contoh: Rekod jualan bulanan, Perjanjian Sewa, Kontrak Diberikan dsb); dan
- Unjuran aliran tunai (contoh: 2 hingga 5 tahun);

Bagi Pelanggan Pembiayaan Perniagaan (Bukan PKS)

- Penyata bank untuk 6 bulan terkini;
- Dokumen pendapatan terkini (contoh: Rekod jualan bulanan, Perjanjian Sewa, Kontrak Diberikan dsb);
- Penyata Kewangan Teraudit terkini atau Akaun Pengurusan terkini; dan
- Unjuran aliran tunai (contoh: 3 hingga 5 tahun)

Nota: Bank berhak meminta sebarang dokumen tambahan dan/atau input untuk menyokong permohonan ini (jika berkenaan).

8 Bagaimanakah sekiranya pelanggan TIDAK memenuhi syarat kelayakan untuk memohon Program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan?

Sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang dinyatakan, pelanggan boleh memohon mendapatkan bantuan daripada Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) bagi meringankan masalah pembayaran yang dihadapi melalui Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan ansuran bulanan di bawah program AKPK.

Pelanggan boleh menghubungi AKPK di talian 03-26167766 atau melayari laman sesawang AKPK untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan.

Pelanggan pembiayaan perniagaan boleh mendapatkan bantuan melalui **AKPK-Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK)/(AKPK-Small Debt Resolution Scheme (SDRS))** atau **Program Pengurusan Kredit/Debt Management Programme (DMP)** yang mana berkaitan.

Agensi tersebut boleh dihubungi seperti berikut:

AKPK-SDRS

No tel: 03-26167766

Tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa

#UntukSemua

- 9** **Bagaimanakah dengan status permohonan yang tidak lengkap?**
Permohonan yang tidak lengkap akan terbatal secara automatik selepas 14 hari dari tarikh permohonan diterima daripada pelanggan.
- 10** **Berapa lamakah tempoh untuk pelanggan mendapat maklum balas daripada Bank mengenai permohonan bagi kemudahan ini?**
Bank akan menghubungi pelanggan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja mengikut kalendar dari tarikh permohonan.
- 11** **Bagaimanakah dengan laporan akaun pembiayaan pelanggan dalam laporan kredit (CCRIS), Bank Negara Malaysia (BNM) sekiranya permohonan pelanggan diluluskan untuk kemudahan ini?**
Di bawah Program Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan ini, akaun pembiayaan pelanggan akan diklasifikasikan sebagai akaun penjadualan atau penstrukturan semula dalam laporan kredit (CCRIS) Bank Negara Malaysia (BNM).
- 12** **Bagaimanakah jika pelanggan membuat Arahan Tetap untuk pembayaran pembiayaannya?**
Setelah pelanggan menandatangani penerimaan surat tawaran Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan, pihak Bank akan mengemas kini amaun bayaran Arahan Tetap pelanggan jika Arahan Tetap adalah dari Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i Elektronik di Bank Rakyat.
Bagi akaun simpanan atau akaun semasa pelanggan di bank lain, pelanggan perlu mengemas kini Arahan Tetap tersebut berdasarkan amaun bayaran terkini dengan bank yang berkenaan.
- 13** **Adakah pelanggan masih perlu membuat pembayaran untuk akaun pembiayaan semasa permohonan Penjadualan atau Penstrukturan Semula Pembiayaan diproses?**
Ya. Pelanggan perlu meneruskan pembayaran ansuran bulanan sedia ada seperti biasa sehingga permohonan Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan tersebut diluluskan dan makluman berkenaan jadual bayaran pembiayaan yang terbaharu diterima atau diaktifkan.
- 14** **Adakah tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan akan dilanjutkan di bawah program Penjadualan atau Penstrukturan Semula Pembiayaan ini?**
Sebarang lanjutan kepada tempoh matang akaun pembiayaan pelanggan adalah tertakluk kepada penilaian terperinci aliran tunai pelanggan dan jadual bayaran pembiayaan yang ditetapkan seperti dalam surat tawaran Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan.
- 15** **Bagi akaun di bawah kadar terapung, adakah ansuran bulanan di bawah Penstrukturan atau Penjadualan Semula Pembiayaan akan berubah sekiranya terdapat perubahan Kadar Asas (KA) atau Kadar Pembiayaan Asas (KPA) atau Kos Dana (Cost of Fund)(KD)?**
Sekiranya terdapat perubahan pada KA/KPA/KD*, perubahan ansuran bulanan adalah berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Penjadualan Semula atau Penstrukturan Semula Pembiayaan.
**Nota: Kadar Asas termasuk Kadar Asas Standard.*
- 16** **Bagaimanakah cara untuk menghubungi pihak Bank sekiranya pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut?**
Untuk sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian **1-300-800-800**.

Tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa

#UntukSemua